

PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1

Peperiksaan Percubaan SPM 2012

September 2012

2 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

TAHUN 2012

PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 14.*
3. ***Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan di halaman 14.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 14 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan*



Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1 Berikut ialah rukun sewa kecuali

- A manfaat
- B bayaran sewa
- C ijab dan qabul
- D penyewa dan pemberi sewa

- Beriktikad kedudukan pelaku dosa besar berada di antara keimanan dan kekufran
- Beriktikad bahawa perbuatan manusia adalah dilakukan oleh manusia

2 Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri

- A Khawarij
- B Syiah Zaidiah
- C Syiah Imamiah
- D Ahlussunnah wal jamaah

3 Pilih pernyataan yang benar mengenai masa wukuf di Padang Arafah

- A Gelincir matahari pada 9 zulhijjah hingga tengah malam pada 10 zulhijjah
- B Gelincir matahari pada 9 zulhijjah hingga terbit fajar pada 10 zulhijjah
- C Terbit fajar pada 9 zulhijjah hingga gelincir matahari pada 10 zulhijjah
- D Terbit matahari pada 9 zulhijjah hingga terbit fajar pada 10 zulhijjah



- Menjual buah-buahan yang masih di pokok
- Menjual sesuatu dengan tujuan maksiat

4 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Jualbeli yang dilarang dan tidak sah
- B Jualbeli yang dilarang tetapi sah
- C Jualbeli bertangguh
- D Jualbeli ta'lik

5 Berikut ialah prinsip-prinsip insurans menurut syariat Islam **kecuali**

- A Menjamin dan melindungi antara satu sama lain
- B Bertujuan memberi keuntungan di kalangan ahli
- C Menggeratkan perhubungan silaturrahim antara ahli
- D Tiada unsur ketidakpastian (gharar) pada bayaran sumbangan

- Berdasarkan syariat Islam
- Maklumat yang tepat
- Kajian saintifik

6 Pernyataan di atas berkaitan dengan adab

- A berfikir
- B berzikir
- C bernegara
- D bermusafir

7 Antara yang berikut yang manakah merupakan adab-adab berekreasi ?

- I Melaporkan kerosakan kepada pihak yang bertanggungjawab
 - II Mematuhi peraturan yang disediakan oleh pihak berkuasa
 - III Berpakaian menutup aurat
 - IV Tidak membazir
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



8 Antara yang berikut yang manakah **bukan** sebab-sebab gugur hak hadanah

- A Murtad
- B Berakhlak buruk
- C Berkahwin dengan lelaki yang mempunyai pertalian nasab dengan anaknya
- D Berpindah tempat kediaman untuk menghalang bapa kanak-kanak menziarahinya

- Perceraian antara suami isteri dengan bayaran tertentu
- Suami tidak boleh merujuk isteri kecuali dengan akad yang baru

9 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A rujuk
- B khuluk
- C fasakh
- D nusyuz


- Hendaklah dilafazkan oleh wali atau wakilnya
- Berlaku dalam satu majlis
- Tidak diselangi oleh diam yang lama

10 Pernyataan di atas merujuk kepada syarat

- A ijab
- B qabul
- C lafaz ta'lik
- D ijab dan qabul

11 Berikut ialah syarat saksi dalam perkahwinan **kecuali**

- A Tidak buta, pekak dan bisu
- B Tidak melakukan dosa besar
- C Memahami lafaz ijab dan qabul
- D Bukan mahram kepada bakal isteri



12 X dalam rajah di atas ialah bidang kuasa

- A Mal
- B Jinayah
- C mahkamah tinggi
- D mahkamah rendah

13 Antara yang berikut yang manakah **bukan** ciri-ciri ajaran sesat

- A mendewa-dewakan pemimpin
- B mengubah konsep dosa dan pahala
- C mencemarkan kesucian al-Quran dan hadis
- D mengadakan majlis tahlil secara besar-besaran

14 Antara yang berikut yang manakah **bukan** syarat bakal isteri

- A Bukan isteri orang
- B Bukan dalam idah talak raj'i
- C Tidak dalam ihram haji atau umrah
- D Tidak ditegah kuasanya daripada membelanjakan harta

15 Antara syarat sah sai dalam ibadah haji hendaklah memulakan niat sai di _____

- A Multazam
- B Bukit Safa
- C Bukit Marwah
- D Penjuru Hajarulaswad




- Mempercayai binatang seperti burung boleh membawa tuah atau sial
- Mengunjungi kubur keramat untuk meminta hajat

16 Pernyataan di atas merujuk kepada perbuatan

- A Khurafat
- B Syirik
- C Nifak
- D Sihir

17 Dosa besar ialah

- A Balasan buruk yang dikenakan ke atas orang yang akil baligh semasa di dunia
- B Balasan buruk yang dikenakan ke atas orang yang akil baligh semasa di akhirat
- C Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat
- D Kesalahan yang tidak diberi peruntukan hukuman tertentu di dunia atau amaran azab di akhirat




18 Y dalam rajah di atas merujuk kepada jenis insuran

- A Am
- B Nyawa
- C Takaful
- D Kemalangan



1223/1

Faktor Perkembangan Islam Pada Zaman Abbasiyyah



19 P ialah

- A Kestabilan politik dan pentadbiran
- B Keimanan dan semangat jihad yang tinggi
- C Aktiviti penterjemahan yang giat dijalankan
- D Kedudukan Baghdad yang menjadi pusat keilmuan

- Dianggap sebagai khalifah ar-Rasyidin kelima kerana pemerintahan yang sangat adil
- Tiada orang yang mahu menerima zakat pada zaman pemerintahannya

20 Tokoh di atas ialah

- A Al-Makmun
- B Harun ar-Rasyid
- C Abu Jaafar al-Mansur
- D Umar bin Abdul Aziz



Bahagian A
[40 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 22.

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.


Bahai	Taslim
-------	--------

Nama ajaran sesat	Ciri ajaran sesat
21	Mentafsir ayat al- Quran mengikut hawa nafsu
22	Beriktikad bahawa pengasasnya adalah jelmaan Allah

Soalan 23 hingga Soalan 40.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

23 Pengasas ajaran Qadiani ialah _____.




24 P dalam carta di atas ialah _____.



25


ialah hubungan jenis antara lelaki dengan lelaki.

Sebab larangan makan harta anak yatim



26 Q dalam carta di atas ialah _____.

27 Lafaz zikir yang paling utama ialah _____.



28 R dalam rajah di atas ialah _____.

29 Cara untuk meningkatkan kesedaran menjaga kemudahan awam ialah _____.

30 Kitab terkenal Ibnu Khaldun ialah _____.

31 Imam Syafie digelar Bapa Usul Fiqh kerana _____.

32 Imam Bukhari mula menulis kitab hadis ketika beliau berusia _____ tahun.

33 Hukum upah haji ialah _____.

34 Syarat upah haji ialah _____.

Rukun - rukun haji

- Niat iham
- Wukuf
- Tawaf
- X
- Bercukur
- Tertib

- 35 Rukun haji bertanda X dalam rajah di atas ialah _____.
- 36 Tawaf _____ yang sunat dilakukan oleh mereka yang baru sampai ke Mekah.
- 37 Tempoh masa larangan berkahwin bagi perempuan yang bercerai dinamakan _____.
- 38 Bapa dan datuk ialah wali _____.
- 39 Sumpah lian hendaklah dilakukan sebanyak _____ kali.
- 40 Hukum membin dan membintikan anak angkat kepada bapa angkat ialah _____.



Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut.

- 1 (a) Nifak merupakan salah satu perkara yang membatalkan iman.
(i) Apakah maksud nifak? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** akibat buruk nifak. [4 markah]
- (b) Mengumpat dan memfitnah adalah perkara yang dilarang dalam Islam.
(i) Nyatakan perbezaan antara mengumpat dan memfitnah. [2 markah]
(ii) Jelaskan akibat fitnah terhadap masyarakat. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud kemanisan iman. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** kesan kemanisan iman yang boleh dirasai oleh orang yang beriman. [4 markah]
(iii) Senaraikan **dua** ciri kesesatan ajaran Taslim. [2 markah]
(iv) Terangkan usaha yang anda perlu lakukan untuk menangani ajaran sesat dalam masyarakat. [2 markah]
- 2 (a) Ibadah Haji dan Umrah hendaklah ditunaikan mengikut syarat dan rukunnya.
(i) Senaraikan **dua** syarat yang mewajibkan seseorang melakukan haji. [2 markah]
(ii) Nyatakan **dua** hikmah disyariatkan haji terhadap umat Islam. [4 markah]
(iii) Jelaskan **satu** syarat istitoah (kemampuan) khusus bagi wanita untuk mengerjakan haji. [2 markah]
(iv) Senaraikan **dua** perkara yang dilarang dilakukan ketika ihram. [2 markah]

- (b) Allah mensyariatkan perkahwinan kepada manusia selaras dengan kehendak fitrah mereka.
- (i) Nyatakan maksud walimatul urus. [2 markah]
(ii) Jelaskan adab walimatul urus yang dianjurkan oleh Islam. [2 markah]

- (c) (i) Apakah maksud khuluk? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** hikmah diharuskan khuluk. [4 markah]

- 3 (a) Saidina Umar merupakan Khalifah Ar - Rasyidin yang kedua.
- (i) Jelaskan **dua** sumbangan Saidina Umar semasa pentadbirannya. [2 markah]
(ii) Nyatakan **dua** dasar pemerintahan Khulafa' Ar - Rasyidin. [4 markah]

- Hamka
- Sayyid Jamaluddin Al Afghani

- (b) Pilih satu tokoh di atas dan jawab soalan berikut.
- (i) Nyatakan jawatan yang pernah oleh tokoh tersebut. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau kepada umat Islam . [4 markah]
- (c) Berhias diri merupakan amalan yang digalakkan dalam Islam.
- (i) Senaraikan **dua** amalan berhias diri yang dilarang dalam Islam. [4 markah]
(ii) Seorang rakan anda ingin membuat pembedahan untuk kecantikan . Terangkan **dua** tindakan yang perlu anda lakukan . [4 markah]



4 (a) Kerajaan Bani Abbasiah telah memberi sumbangan besar kepada tamadun Islam.

(i) Senaraikan **dua** institusi pendidikan pada zaman Kerajaan Abbasiah.

[2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** faktor perkembangan ilmu pada zaman Kerajaan Abbasiah.

[4 markah]

- Imam Ahmad bin Hambal
- Imam Al Ghazali

(b) Pilih satu tokoh di atas dan jawab soalan berikut.

(i) Tulis secara ringkas riwayat hidup beliau. [2 markah]

(ii) Nyatakan gelaran dan sebab beliau diberi gelaran tersebut. [4 markah]

(c) Islam mengharuskan umatnya bermusafir untuk tujuan yang baik.

(i) Jelaskan bilakah amalan bermusafir menjadi **wajib** dan **sunat**. [4 markah]

(ii) Terangkan **dua** perkara yang perlu anda lakukan sebelum bermusafir.

[4 markah]



NO. KAD PENGENALAN

				-		-			
--	--	--	--	---	--	---	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

1	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	21	_____
2	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	22	_____
3	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	23	_____
4	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	24	_____
5	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	25	_____
6	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	26	_____
7	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	27	_____
8	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	28	_____
9	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	29	_____
10	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	30	_____
11	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	31	_____
12	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	32	_____
13	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	33	_____
14	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	34	_____
15	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	35	_____
16	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	36	_____
17	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	37	_____
18	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	38	_____
19	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	39	_____
20	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	40	_____

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Kod Pemeriksa : Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah diperolehi
A	1 hingga 40	40	
	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	

PENDIDIKAN ISLAM
1223/2
Kertas 2
Peperiksaan Percubaan SPM 2012
September 2012
1 jam 40 minit

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2012

PENDIDIKAN ISLAM
1223/2

Kertas 2
Satu jam empat puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1.. Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.
2. Jawab semua soalan.



Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

﴿اللَّهُ نُورٌ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ مَثُلُّ نُورِهِ كَمِشْكُوَةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي رُجَاجَةٍ الْزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوَافِدُ دُرَرٍ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُّبَرَّكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرِقَيَّةٍ وَلَا غَرْبَيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيَّ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَنَضِرِبُ اللَّهُ أَلَا مُمْثَلٌ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

(surah al-nur : 35)

Ayat di atas menjelaskan tentang cahaya hidayah Allah SWT.

(i) Senaraikan dua golongan yang mendapat hidayah Allah SWT.

[2 markah]

(ii) Terangkan dua cara untuk mendapatkan hidayah Allah SWT.

[2 markah]

(iii) Jelaskan dua perbezaan antara golongan yang mendapat hidayah dengan yang tidak mendapat hidayah Allah SWT.

[4 markah]



- (b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنْتِكِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرٌ سَيِّئٌ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَتَنَظِّرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَتَنَظِّرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

(رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kehidupan di dunia ibarat perantau dan cara pengurusan masa yang baik.

- (i) Apakah maksud perantau dalam hadis di atas? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua keburukan menangguhkan sesuatu urusan. [2 markah]
- (iii) Bagaimanakah cara anda merancang pengurusan masa yang berkesan? [4 markah]
- (c) Susun semula potongan ayat di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran.
Anda dikehendaki menulis nombor sahaja.

1	عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ
2	فَإِنْ تَوَلُّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
3	لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ
4	عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

(سورة التوبه: 129-128) [4 markah]

2 (a) Firman Allah SWT :

لَوْ أَنَزَلْنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَشِعًا مُتَصَدِّعًا مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتَلَكَّ
الْأَمْثَلُ نَضَرِهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
عَلِيمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَدَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
الْمَلِكُ الْقُدُوسُ السَّلَمُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَمِّمُ الْعَزِيزُ الْجَبَارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَنَ
اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾

(سورة الحشر : 23-21)

Ayat di atas menjelaskan tentang kemuliaan al-Quran.

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan al-Quran? [2 markah]

(ii) Jelaskan dua kelebihan orang yang membaca dan menghayati al-Quran. [4 markah]

(iii) Terangkan keistimewaan kitab al-Quran [2 markah]



(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَحَاسِدُوا
وَلَا تَنَاجِشُوا وَلَا تَبَاغِضُوا وَلَا تَدَبِّرُوا وَلَا بَيْعَ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ
اللَّهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُوهُ الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُخْذِلُهُ وَلَا يَكْذِبُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى
هُنَّا وَيُشَيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَأَتٍ يَحْسَبُ امْرِيًّا مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمِ.
كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمْهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ.
(رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan sifat yang menghalang perpaduan dalam kalangan umat Islam.

- (i) Apakah maksud “وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا” ? [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua sifat yang boleh menghalang kemajuan dan perpaduan masyarakat Islam kini. [2 markah]
- (iii) Jelaskan dua sebab Islam melarang umatnya bersifat seperti hadis di atas. [4 markah]



- (c) Susun semula potongan ayat al-Quran berikut mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor sahaja.

وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (1)

هُوَ اللَّهُ الْخَلِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ (2)

الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ (3)

مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ (4)

(سورة الحشر: 24)

[4 markah]

- 3 (a) Firman Allah SWT :

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلِكٌ
إِنْ أَتَيْتُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٦﴾

(سورة الانعام : 50)

Ayat di atas menjelaskan bahawa hanya Allah SWT mengetahui khazanah-Nya dan perkara-perkara ghaib.

- (i) Nyatakan maksud perkara ghaib. [2 markah]
 (ii) Jelaskan dua peranan para Rasul sebagai utusan Allah SWT.

[2 markah]

- (iii) Terangkan dua bahagian perkara ghaib berserta contoh. [4 markah]



(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي
وَلِيًّا فَقَدْ آذَنَنِي بِالْحُرْبِ وَمَا تَفَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحِبَّ إِلَيَّ مِمْمَّا افْتَرَضْتُ
عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَفَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أَحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ
الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبَصِّرُ بِهِ وَيَدُهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلُهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا
وَإِنْ سَأَلْتَنِي لِأُعْطِيَنَّهُ وَلَئِنْ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيَّذَنَّهُ.

(رواه بخاري)

Hadis di atas menjelaskan bahawa Allah mengisyiharkan perang ke atas orang yang memusuhi orang yang beriman dan bertakwa.

- (i) Nyatakan maksud wali Allah. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** contoh ibadat nawafil yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kelebihan orang yang melakukan ibadat nawafil. [4 markah]



(c) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu A dan B.

Pilih jawapan yang betul daripada potongan kalimah tersebut supaya menjadi ayat yang lengkap seperti dalam al-Quran.

وَالَّذِينَ هُمْ لَا مَانِعُهُمْ (لَفُرُوجُهُمْ) (وَعَهْدُهُمْ) رَاعُونَ <input type="checkbox"/> B <input type="checkbox"/> A	(i)
وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ (صَلَاتِهِمْ) (صَلَوةِهِمْ) يُحَافِظُونَ <input type="checkbox"/> B <input type="checkbox"/> A	(ii)
أُولَئِكَ هُمْ (الْوَارِثُونَ) (الْعَادُونَ) <input type="checkbox"/> B <input type="checkbox"/> A	(iii)
الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا (خَالِدُونَ) (خَائِشُونَ) <input type="checkbox"/> B <input type="checkbox"/> A	(iv)

(surah المؤمنون : 8-11)

[4 markah]



- 4 (a) Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّمَا هَدَنِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ دِينًا قِيمًا مِّلَةً إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦٣﴾ قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِقَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٤﴾

(سورة الأنعام 163-164)

Ayat di atas menjelaskan tentang tanggungjawab setiap manusia supaya sentiasa beriman dan beribadat kepada Allah SWT

- (i) Apakah maksud kalimah bergaris dalam ayat di atas [2 markah]
 (ii) Terangkan dua kepentingan berada pada jalan yang lurus. [4 markah]
 (iii) Jelaskan dua sebab seseorang itu perlu bertanggungjawab terhadap segala perbuatannya di dunia ini. [4 markah]
- (b) Soalan berikut diikuti pilihan jawapan A dan B. Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah bergaris di bawah. Anda dikehendaki menulis jawapan yang betul (A atau B) sahaja.

No. Soalan	Potongan ayat al-Quran	Hukum Tajwid	
		A	B
(i)	وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ إِعْيَاءٍ (سورة الأنعام: 4)	Idgham Bilaghunnah	Idgham Mislain
(ii)	رَبَّ الْعَالَمِينَ (سورة السجدة: 4)	Mad Aridh Lissukun	Mad Silah Towilah
(iii)	ءَابَيْنَا الْأَوَّلِينَ (سورة المؤمنون: 24)	Mad Jaiz Munfasil	Mad Wajib Mutwasil

(iv)	نُورٌ عَلَىٰ نُورٍ (سورة النور: 35)	Izhar Halki	Ikhfak Hakiki
------	---	-------------	---------------

[4 markah]

- (c) Tulis semula petikan di bawah dalam tulisan jawi.

Usaha kerajaan membangunkan negara telah berjaya menjadikan Malaysia sebagai contoh kepada negara-negara Islam yang lain. Mereka sering berkunjung ke Malaysia untuk meminta pandangan dan nasihat daripada kita.

[6 markah]

- 5 (a) Firman Allah SWT:

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِعَايِتَنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِهَا حَرُّوا سُجَّدًا وَسَبَّحُوا بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿١٥﴾ تَتَجَافَ جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ حَوْفًا وَطَمَعاً وَمِمَّا لَزَقَتْهُمْ يُنْفِقُونَ

(سورة السجدة : 16-15)

Ayat al-Quran di atas menyatakan ciri-ciri orang yang beriman kepada Allah SWT.

Berdasarkan ayat di atas

- | | |
|--|--------------|
| (i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris. | [2 markah] |
| (ii) Terangkan dua jenis sujud berserta sebab. | [4 markah] |
| (iii) Terangkan pengajaran daripada ayat di atas | [4 markah] |



- (b) Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi kalimah yang bergaris. Anda dikehendaki menulis nombor berserta jawapan sahaja.

(i) لَأْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ

(ii) أَوْ بَنِي إِخْرَاجِهِنَّ

(iii) وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ

[6 markah]

- (C) Tulis semula penyataan di bawah dalam tulisan rumi.

(i)	اوْت اسلام واجب براوسها منداقتکن کولیاءن دعن منونتوت علمو سباپق موڠکین
(ii)	عالن سساورغ اکن دتریا اویله الله اقایيلا برساندرکن عقیدة يع بتول
(iii)	سچاره ممبوقتیکن بهاؤا اوْت يع تكون دان گیکیه سهاج يع مفو منچاقنی کچمرلعن
(iv)	کیت واجب مغلکلکن صلة الرحيم دعن زیاره-منزیارهی انتارا ساتو سام لاین

[4 markah]



KERTAS SOALAN TAMAT

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 TINGKATAN 5
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
TAHUN 2012

BAHAGIAN A (40 MARKAH)

No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan
1	C	21	Taslim
2	B	22	Bahai
3	B	23	Mirza Ghulam Ahmad
4	A	24	Berazam tidak akan mengulangi lagi/Berterus terang memohon maaf jika berkaitan dengan hak orang lain
5	C	25	Liwat
6	A	26	Mengelakkan berlaku percaduhan dan terputus silaturrahim
7	C	27	Lailaha illah
8	C	28	Memberi barang yang disayangi
9	B	29	Kempen kesedaran
10	A	30	Al-Muqaddimah
11	D	31	Orang yang pertama menulis buku Usul Fiqh
12	A	32	18 tahun
13	D	33	Harus
14	D	34	Meninggal dunia/Tidak mempunyai keupayaan fizikal
15	B	35	Sai
16	A	36	Tawaf Qudum
17	C	37	Iddah
18	B	38	Wali Mujbir
19	D	39	5 kali
20	D	40	Haram

SKEMA PERCUBAAN SPM PENDIDIKAN ISLAM 2012**Bahagian B**

NO			JAWAPAN	MARKAH				
1	a	i	<p>Maksud Nifak ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hati tetap kufur kepada Allah SWT. 	1 isi x 2 m = 2m				
		ii	<p>Dua akibat buruk munafik ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menghilangkan sikap percaya mempercayai. - Melemahkan perpaduan masyarakat. - Menghancurkan kekuatan umat Islam - Tidak mendapat ketenangan hidup di dunia dan di akhirat. - Menghalang usaha pembangunan dan memajukan Umat Islam. <p>(mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	2 isi x 2 m = 4m				
	b	i	<p>Satu perbezaan antara mengumpat dan memfitnah:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px; width: 50%;">Mengumpat</td><td style="padding: 5px; width: 50%;">Memfitnah</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Menceritakan keburukan seseorang semasa ketiadaannya.</td><td style="padding: 5px;">Menceritakan keburukan seseorang tanpa bukti.</td></tr> </table>	Mengumpat	Memfitnah	Menceritakan keburukan seseorang semasa ketiadaannya.	Menceritakan keburukan seseorang tanpa bukti.	1 isi x 2 m = 2m
Mengumpat	Memfitnah							
Menceritakan keburukan seseorang semasa ketiadaannya.	Menceritakan keburukan seseorang tanpa bukti.							
		ii	<p>Satu akibat fitnah terhadap masyarakat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berlaku permusuhan/huru hara dalam masyarakat. - Masyarakat akan sentiasa mundur. 					

		<ul style="list-style-type: none"> - Menghalang perpaduan dalam masyarakat. - Membuka jalan kepada musuh melemahkan masyarakat. - Mewujudkan masyarakat yang berpecah belah. <p>(mana-mana jawapan munasabah terhadap masyarakat diterima)</p>	1 isi x 2 m = 2m
	c	<p>i Maksud kemanisan iman:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berasa gembira melakukan Ibadah. (1m) Sanggup menanggung kepayahan demi keredhaan Allah dan Rasul/Mengutamakan Allah dan Rasul mengatasi segala-galanya (1m) 	2 isi x 1 m = 2m
		<p>ii Dua kesan kemanisan iman yang boleh dirasai oleh orang yang beriman:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cinta kepada Allah dan Rasulnya lebih daripada segalanya. - Mengasihi sesama manusia kerana Allah. - Benci kepada kekufuran/kemaksiatan. 	2 isi x 2 m = 4m
		<p>iii Dua ciri kesesatan ajaran taslim:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beriktiqad bahawa diri batin manusia ialah Allah dan diri zahir manusia ialah Nur Muhammad. - Beriktiqad bahawa alam bersifat kodim. - Mentafsir ayat-ayat Al-Quran mengikut hawa nafsu. - Mengharuskan perzinaan melalui konsep nikah batin. - Menolak kewujudan hari kiamat, syurga dan neraka. 	2 isi x 1 m = 2m

			<ul style="list-style-type: none"> - Solat secara niat tanpa rukun kauli dan fi'li. - Menganggap Haji Muhammad matahari sebagai pemimpin yang maksum. 	
		iv	<p>Usaha yang saya perlu lakukan untuk menangani ajaran sesat dalam masyarakat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat ajaran yang meragukan (1m) agar dapat diambil tindakan segera. - Menyebarluaskan dakwah dalam masyarakat (1m) supaya masyarakat di dedahkan dengan ajaran Islam yang sebenar <p>Catatan: Isi : 1 m Huraian : 1 m</p>	1 isi x 2 m = 2m
2	a	i	<p>Dua syarat yang mewajibkan seseorang melakukan Haji:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Islam. - Baligh - Berakal - Berkuasa. - Merdeka 	2 isi x 1 m = 2m
		ii	<p>Dua hikmah disyariatkan haji terhadap Umat Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Saling berkenalan sesama Umat Islam. - Membantu mempertingkatkan ekonomi Umat Islam. - Ruang untuk mengadakan perbincangan permasalahan Umat Islam. 	2 isi x 2 m = 4m

		<ul style="list-style-type: none"> - Meneguhkan hubungan persaudaraan Umat Islam. - Menyatupadukan Umat Islam tanpa mengikut bangsa dari seluruh dunia. <p>(mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	
	iii	<p>Satu syarat Istitoah (kemampuan) khusus bagi wanita untuk mengerjakan Haji:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bersama Mahram. - 2 orang perempuan yang boleh dipercayai. - Isteri perlu mendapat keizinan suami. 	1 isi x 2 m = 2m
	iv	<p>Dua perkara yang dilarang dilakukan ketika Ihram:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memakai pakaian yang berjahit bagi lelaki. - Memakai wangi-wangian. - Memotong kuku. - Memotong rambut atau menghilangkan mana-mana bulu dianggota badan. - Menutup kepala bagi lelaki. - (Rujuk buku teks Pendidikan Islam tingkatan 4 halaman 126) 	2 isi x 1 m = 2m
b	i	Maksud Walimatul Urus:	1 isi x 2 m = 2m
	ii	<p>Satu adab Walimatul Urus yang dianjurkan oleh Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dilakukan secara sederhana/tidak berlebih-lebih/Tidak membazir. - Mengadakan bukan untuk tujuan 	1 isi x 2 m = 2m

			menunjuk-nunjuk. - Majlis tidak ada unsur maksiat dan khurafat.	
	c	i	Maksud Khuluk: - Perceraian antara suami isteri dengan lafaz talak/khulu'	1 isi x 2 m = 2m
			Dua hikmah diharuskan khuluk: - Penghormatan kepada isteri supaya boleh bertindak mengikut undang-undang syarak untuk melepaskan diri daripada ikatan perkahwinan. - Mengelakkan kemungkinan berlaku penderhakaan daripada pihak isteri seandainya dia terpaksa meneruskan perkahwinan dengan suami yang tidak disukai. - Mengelakkan sifat ego suami yang suka menyalahgunakan kuasa sebagai ketua keluarga untuk bertindak sesuka hati.	2 isi x 2 m = 4m

3	a	i	Dua sumbangan Saidina Umar - Menyusun pentadbiran majlis syura. - Menubuhkan beberapa jabatan bagi melicinkan pentadbiran negara seperti Diwan al-Jund dan Diwan al-Kharaj. - Menyusun undang-undang tanah negara. - Mengisyihar kalendar mengikut tahun hijrah. - Menubuhkan pasukan polis dan tentera laut.	2 isi x 2 m = 4m
---	---	---	---	------------------

		ii	<p>Dua dasar pemerintahan Khulafa Ar-Rasyidin</p> <p>-Undang-undang dan perlombagaan negara berdasarkan kepada al-Quran dan hadis.</p> <p>-Khalifah mempunyai kuasa membuat keputusan berdasarkan pandangan ahli majlis syura dan ijihad.</p> <p>-Pemimpin bertanggungjawab menegakkan kebenaran dan memerintah dengan adil .</p> <p>-Khalifah merupakan ketua negara .</p> <p>-Khalifah tidak mendapat hak istimewa mengatasi undang-undang.</p> <p>-Gabenor dan pegawai dilantik berdasarkan kecekapan dan kewibawaan.</p> <p>-Pemimpin dan rakyat sama-sama bertanggungjawab membangun dan memajukan negara.</p> <p>-Rakyat wajib mentaati pemerintah yang taat kepada syariat Allah.</p> <p>-Rakyat boleh memberi pandangan dan teguran kepada pemimpin mengikut saluran tertentu.</p>	2 isi x 2 m = 4m
	b	i	a) Jawatan yang pernah disandang oleh Hamka	1 isi x 2 m = 2m

		b) Jawatan yang pernah disandang oleh Syed Jamaluddin al- Afghani. -Dilantik sebagai anggota Majlis al-Ma'arif (Kementerian Pendidikan) di Istanbul.	
	ii	<p>a) Dua sumbangan Hamka</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menubuhkan Persatuan Hindia Timur di mekah untuk memberi pendidikan kepada jemaah haji Indonesia. -Memimpin pertubuhan Muhammadiyah . -Menubuhkan Kolej Mubaligh (Kolej Pendakwah) -Menerbit dan menulis dalam majalah berunsur dakwah ,seperti Khatibul Ummah . -Mengajarkan ilmu melalui kuliah dan ceramah -Mencetuskan idea pembaharuan melalui karya. -Menghasilkan karya bermutu seperti Tafsir Al Azhar <p>b) Dua sumbangan Syed Jamaluddin Al Afghani.</p> <ul style="list-style-type: none"> -Penggerak utama perjuangan menentang penjajah. -Menyuntik semangat umat Islam melalui pidatonya. -Merantau ke beberapa Negara untuk menyatukan umat Islam menghalau penjajah. -Menghasilkan karya ilmiah antaranya Al 'Amal Al Kamilah. -Pengasas akhbar Urwatun Wusqo di Peranchis dan Misr di Mesir. 	2 isi x 2 m = 4m

	c	i	<p>Dua amalan berhias diri yang dilarang dalam Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Memakai emas,sutera tulen bagi lelaki. -Berpakaian yang berlainan jantina . -Menyambung rambut -Membuat tatu -Pembedahan anggota badan untuk kecantikan. 	2 isi x 2 m = 4m
		ii	<p>Dua tindakan yang akan dilakukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Memberi nasihat /supaya menghindari larangan Allah. -Mengajaknya mendalami ilmu agama /supaya lebih memahami ajaran Islam. -Menunjuk contoh teladan / agar beliau dapat mencontohi perkara yang baik. <p>Catatan :</p> <p>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</p>	2 isi x 2 m = 4m Isi= 1 markah Huraian = I markah
4	a	i	<p>Dua institusi pendidikan pada zaman kerajaan Abbasiah:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Masjid. -Istana khalifah. -Perpustakaan seperti Baitul Hikmah. -Pusat pengajian seperti Madrasah Nizamiah. 	2 isi x 1 m = 2m

		ii	<p>Dua faktor perkembangan ilmu pada zaman kerajaan Abbasiah;</p> <ul style="list-style-type: none"> -Usaha dan galakan para khalifah. -Aktiviti penterjemahan pelbagai bidang ilmu. -Kestabilan politik dan kewangan kerajaan Abbasiyah. -Dasar kerajaan Abbasiah yang memberi keutamaan kepada ilmu pengetahuan. -Kewujudan prasarana pendidikan yang baik -Kedudukan Baghdad yang menjadi pusat keilmuan dan perdagangan antarabangsa. -Hubungan diplomatik antara kerajaan Abbasiyah dengan negara luar. -Islam menggalakkan umatnya supaya mengkaji alam sekitar. -Kreativiti para ulamak. 	2 isi x 2 m = 4m
	b	i	<p>a) Riwayat hidup Imam Ahmad bin Hanbal</p> <ul style="list-style-type: none"> -Nama sebenar Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. -Lahir di Baghdad Iraq. -Lahir pada 164 H/ 780 M. -Keturunan Rasulullah. -Masyhur dengan nama Al Hanbal sempena dengan nama datuknya. -Meninggal di Baghdad. <p>(Rujuk buku teks mukasurat 217)</p>	

		b)	<p>Riwayat hidup Imam Al Ghazali</p> <p>-Nama sebenar Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al Ghazali al Tus.</p> <p>-Lahir pada 450H / 1058M.</p> <p>-Dikenali sebagai panggilan Al Ghazali sempena nama tempat kelahirannya bernama Al Ghazalah.</p> <p>-Digelar Hujjatul Islam kerana kecekapan kemasyhuran dan kekuatannya membela agama Islam.</p> <p>-Meninggal dunia di Tus.</p> <p>(Rujuk buku teks mukasurat 226)</p>	
		ii	<p>-Gelaran dan sebab mendapat gelaran</p> <p>a.Imam Ahmad bun Hanbal</p> <p>-Digelar Al Hakim kerana menghafaz lebih 700,000 hadis serta mempunyai pengetahuan yang mendalam.dalam ilmu hadis.</p> <p>b.Imam Al Ghazali</p> <p>-Digelar Hujjatul Islam kerana kecekapan kemasyhuran dan kekuatannya membela agama Islam.</p>	2 isi x 2 m = 4m
	c	i	<p>-Hukum bermusafir</p> <p>a.Wajib</p> <p>-Wajib bagi seorang muslim yang berkemampuan bermusafir .</p> <p>ke Mekah untuk menunaikan haji dan umrah yang wajib.</p>	2 isi x 2 m = 4m

		b. Sunat -Bermusafir untuk menziarahi 3 buah masjid utama iaitu Masjidil Haram,Masjid Nabawi dan Masjid Aqsa serta bermusafir untuk melakukan perkara-perkara sunat seperti menziarahi saudara mara.	
	ii	<p>-Perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum musafir :</p> <p>-Memohon petunjuk daripada Allah dan meminta nasihat/ daripada orang yang berpengalaman.</p> <p>-Menyediakan bekalan secukupnya/ seperti wang ,makanan dan pakaian,</p> <p>-Melantik seorang ketua/ sebelum bermusafir.</p> <p>-Mengucapkan selamat tinggal kepada orang-orang yang ditinggalkan/ bagi memaklumkan kepada mereka tentang keberangkatan dan tempat yang dituju.</p> <p>-Disunatkan solat musafir dan berdoa /sebelum memulakan perjalanan khususnya semasa hendak menaiki kenderaan.</p>	2 isi x 2 m = 4m Isi= 1 markah Huraian = I markah

**SKEMA PEMARKAHAN PEP. PERCUBAAN SPM 2012
(PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 2)**

Nombor Soalan	Jawapan	Markah
1 a) i	2 Golongan yang mendapat hidayah Allah ialah: <ul style="list-style-type: none"> - Golongan yang sentiasa mengingati Allah. - Golongan yang mendirikan solat fardhu - Golongan yang takut kepada hari pembalasan - Golongan yang mengeluarkan zakat - Golongan yang bermuamalah tanpa lalai daripada mengingati Allah 	2 isi x 1m = 2 markah
ii.	2 Cara untuk mendapat hidayah Allah ialah:- <ul style="list-style-type: none"> - Menuntutilmu - Sentiasa berzikir kepada Allah - Mengamalkan ilmu 	2 isi x 1m = 2 markah
iii.	2 Perbezaan antara orang yang mendapat hidayah dengan orang tidak mendapat hidayah ialah:- <ul style="list-style-type: none"> - Golongan yang mendapat hidayah Allah rajin mengerjakan solat manakala golongan yang tidak mendapat hidayah Allah malas beribadat kepada Allah. - Golongan yang mendapat hidayah Allah sentiasa berada dalam kebenaran manakala golongan yang tidak mendapat hidayah Allah sentiasa berada dalam kesesatan - Golongan yang mendapat hidayah Allah hatinya sentiasa tenang manakala golongan yang tidak mendapat hidayah Allah hatinya sentiasa resah gelisah. 	2 isi x 2m = 4 markah
b) i.	Maksud perantau dalam hadis ialah kehidupan di dunia ini hanyalah semantara sahaja.	1 isi x 2m = 2 markah
ii.	2 Keburukan menangguhkan sesuatu urusan ialah:- <ul style="list-style-type: none"> - Urusan tidak dapat disiapkan dalam masa yang sepatutnya. - Hidup dalam keadaan resah gelisah kerana menghadapi tekanan dari pihak tertentu. - Pembangunan Negara akan berjalan dengan perlahan. 	2 isi x 1m = 2 markah
iii.	2 Cara merancang pengurusan masa yang berkesan ialah:- <ul style="list-style-type: none"> - Memperuntukkan masa beribadat, belajar dan beriadah - Menggunakan masa dengan melakukan perkara perkara yang berfaedah. - Menyediakan jadual waktu yang tersusun. 	2 isi x 2m = 4 markah
c)	Susun ayat hafazan : 3 1 @ 3, 1, 2, 4 2 4	4 isi x 1m = 4 markah
2 a) i.	Maksud al-Quran :	

	<ul style="list-style-type: none"> - Kalam allah / kata-kata Allah / kitab suci SWT yang diturunkan kepada Rasulullah saw melalui perantaraan Jibril. 	1 isi x 2m = 2 markah
ii.	<p>2 kelebihan orang yang membaca dan menghayati al-Quran :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dirahmati /diberkati/diredhai Allah SWT. kerana menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup - Jiwa menjadi tenang kerana bebas dari gangguan nafsu dan syaitan - Mendapat kejayaan/kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat - Terhindar daripada kemungkaran yang membawa kepada kehancuran - sentiasa cenderung melakukan kebaikan kerana mengikut ajaran al-Quran 	<p>2 isi x 2m = 4 markah</p> <p><i>Catatan : Isi-1m Huraian-1m</i></p> <p><i>Jawapan munasabah diterima</i></p>
iii.	<p>Keistimewaan al-Quran :</p> <ul style="list-style-type: none"> - kandungannya lengkap merangkumi semua aspek kehidupan - terpelihara daripada sebarang perubahan/ penyelewengan - membimbing manusia ke arah kebahagiaan hidup dunia dan akhirat - setiap huruf yang dibaca diberi pahala - beroleh ketenangan jiwa apabila membaca al-Quran - menjadi penawar kepada penyakit rohani dan jasmani - dijauhi daripada gangguan syaitan - mukjizat agong kepada Rasulullah s.a.w. - keindahan bahasanya tidak dapat ditandingi. 	<p>1 isi x 2m = 2 markah</p> <p><i>Catatan : Isi-1m Huraian-1m</i></p> <p><i>Jawapan munasabah diterima</i></p>
b). i	<p>Maksud potongan hadis:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dan jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara. 	1 isi x 2m = 2 markah
ii.	<p>2 sifat yang boleh menghalang kemajuan dan perpaduan masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dengki mendengki - Menipu - Benci membenci - Berpaling muka - Berjual beli di atas jualan orang lain 	2 isi x 1m = 2 markah
iii.	<p>2 sebab Islam melarang perbuatan tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Masyarakat akan porak poranda/ menimbulkan pergaduhan kerana tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar - Melahirkan masyarakat/individu yang mementingkan diri sendiri - Negara mundur/ekonomi terjejas/tidak maju kerana mengamalkan akhlak mazmumah - Maruah umat Islam tercemar/dipandang rendah oleh agama lain 	<p>2 isi x 2m = 4 markah</p> <p><i>Catatan : Isi-1m Huraian-1m</i></p>
c.	<p>Susun ayat</p> <p>- 2,3,1,4</p>	4 isi x 1m = 4 markah
3. a) i	Firman Allah swt. – ayat 50 Surah Al-An’am	

	Maksud perkara ghaib ialah perkara yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera manusia / dan tidak terjangkau melalui ilmu akal manusia.	1 isi x 2m = 2 markah
ii	2 peranan para Rasul sebagai utusan Allah ialah ; <ul style="list-style-type: none"> - Membetulkan akidah daripada kesesatan kepada beriman kepada Allah - Menjelaskan syariat dan peraturan untuk kebahagiaan manusia di dunia dan akhirat. Mengajar dan menunjuk cara beribadat yang betul. - Mendidik manusia supaya berakhhlak mulia. - Mengajar cara hidup bermasyarakat yang harmoni. - Memberitahu berita gembira kepada orang yang taat dan azab kepada orang yang ingkar - Menjelaskan adanya alam akhirat yang kekal. 	2 isi X 2m= 4 markah
iii	2 bahagian perkara ghaib dan contoh : <ul style="list-style-type: none"> - Perkara yang hanya diketahui Allah sebagaimana yang diterangkan dalam al-Quran, contohnya masa berlaku hari Kiamat, penentu rezeki, bentuk kejadian manusia. - Perkara yang telah berlaku, contohnya kisah nabi-nabi, kemusnahan umat yang menderhaka kepada Allah. - Sesuatu yang wujud tetapi tidak boleh dilihat oleh pancaindera, contohnya kewujudan malaikat, syaitan, jin, syurga dan neraka. - Sesuatu yang akan berlaku, contohnya kemunculan Nabi Isa as, Dajjal dan Yakjuj dan Makjuj. - Perkara yang diketahui manusia melalui ilmu dan kajian, contohnya jenis-jenis tumbuhan yang boleh dijadikan ubat dan jenis-jenis logam berharga dalam bumi. 	2 isi x 1m = 2 markah <i>Catatan:</i> <i>Bahagian - Im</i> <i>Contoh - Im</i>
b) i.	Hadis Rasulullah saw. - Maksud Wali Allah ialah manusia biasa yang beriman, bertakwa dan beristiqamah / melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya secara zahir dan batin.	2 isi x 2m = 2 markah <i>Catatan:</i> <i>Beriman,</i> <i>bertakwa /</i> <i>ber</i> <i>istiqamah-</i> <i>Im</i>
ii.	2 contoh ibadat nawafil ialah : <ol style="list-style-type: none"> 1. Solat Sunat Dhuha 2. Solat Sunat Qabliah 3. Solat Sunat Ba'diah 4. Puasa Sunat Isnin dan Khamis 5. Puasa Sunat 6 hari dalam Bulan Syawal 6. Puasa Sunat 9 dan 10 Muharam 7. Membaca al-Quran 8. Berzikir 9. Berdoa 	2 isi x 1m = 2 markah <i>Catatan :</i> <i>Ber</i> <i>sedekah</i> <i>tidak</i> <i>diterima</i> <i>** Ibadat</i> <i>Sunat yang</i> <i>khusus</i> <i>kepada</i> <i>Allah sahaja</i> <i>diterima</i>
c).	Ayat hafazan	

	i) B ii) B iii) A iv) A	4 isi x 1m = 4 markah
4. a. i.	Maksud jalan yang lurus : - Agama Islam - Agama Allah - Ajaran Nabi Muhamad S.A.W - Syariat Islam - Ajaran Nabi Ibrahim	1 isi x 2m = 2 markah
ii.	Kepentingan berada pada jalan yang lurus: - kehidupan kita sentiasa diredhaan Allah. - jiwa sentiasa senang. - memperolehi kebahagian dunia dan akhirat. - diberi ganjaran pahala. - dilapangkan rezeki oleh Allah SWT.	2 isi x 2m = 4 markah
iii.	Sebab-sebab perlu bertanggungjawab terhadap perbuatannya di dunia: - seseorang telah dikurniakan akal untuk berfikir menentukan yang baik atau buruk. - Allah telah turunkan wahyu sebagai panduan hidup. - mereka telah diutuskan rasul untuk mengajar mereka.	2 isi x 2m = 4 markah
b.	Hukum Tajwid : i- B ii- A iii- A iv- B	4 x 1m = 4 markah
c)	Menjawikan : <p style="text-align: center;">اوسمها کراچئن مباعونکن نکارا تله برجای منجادیکن مليسیا سباکائی چوتوه کفڈ نکارا نکارا اسلام يع لain. مریک سریغ برکونجوغ اک مليسیا اوتنوق مینتا فنداغعن دان نصیحت درقد کيت</p>	Betul : 1 - 4 = 1m 5 - 8 = 2m 9 - 12 = 3m 13 - 16 = 4m 17 - 20 = 5m 21 - 24 = 6m
5. a. i.	- Bertasbih - Menginfaq/ menyedekahkan/ mengeluarkan rezeki mereka	2 isi x 1m =2 markah
ii.	2 jenis sujud dan sebab - Sujud Tilawah : membaca atau mendengar ayat Sajadah - Sujud Sahwi : menambah atau mengurangkan rukun soalat	2 isi x 2m= 4 markah

	<p>secara tidak sengaja</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sujud Syukur : mendapat nikmat atau terlepas daripada bala 	<p><i>Catatan:</i> <i>Jenis- 1m</i> <i>Sebab- 1m</i></p>
iii.	<p>2 pengajaran ayat;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Umat Islam disunatkan memperbanyakkan solat dan berzikir kepada Allah/ untuk melembutkan hati bagi menjadi mukmin yang soleh. - Umat Islam hendaklah mencari harta yang halal/ dan menginfakkannya untuk jalan Allah. - Umat Islam digalakkan melazimi qiamullail/ agar mendapat ganjaran (syurga) Allah SWT. - Kita hendaklah bersifat tawadduk atau tidak sompong/ agar dirahmati Allah SWT 	<p>2 isi x 2m= 4 markah</p> <p><i>Catatan</i> <i>Isi -1m</i> <i>Huraian -1m</i></p>
(b)	<p>Hukum dan cara bacaan:</p> <p><u>لَبْنَهُ وَهُوَ يَعْظِمُ</u></p> <p>Hukum – Mad Silah Qasirah,</p> <p>Cara bacaan – panjang 2 harakat</p> <p><u>أُو بَنِي إِخْرَانِهِنَّ</u></p> <p>Hukum – Mad Jaiz Munfasil</p> <p>Cara bacaan – panjang 2, 4 dan 5.</p> <p><u>وَيَحْفَظُ فُرُوجَهُنَّ</u></p> <p>Hukum – Mad Asli</p> <p>Cara bacaan – panjang 2 harakat</p>	<p>3 isi X 2m = 6 markah</p> <p><i>Catatan :</i> <i>Hukum = 1m</i> <i>Cara bacaan = 1m</i> <i>Hukum salah dan cara bacaan betul = 0m</i></p>
(c)	<p>Merumikan tulisan jawi :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Umat Islam wajib berusaha mendapatkan kemuliaan dengan menuntut ilmu sebanyak mungkin ii) Amalan seseorang akan diterima oleh Allah apabila bersandarkan akidah yang betul. iii) Sejarah membuktikan bahawa umat yang tekun dan gigih sahaja yang mampu mencapai kecemerlangan iv) Kita wajib mengekalkan silaturrahim dengan ziarah-menziarahi antara satu sama lain. 	<p>4 isi x 1m= 4 markah</p>